

Amanat penting PM sempena ulang tahun Kecemerlangan Kongsi Kuasa

UM 7 SEP 2003

KUALA LUMPUR 16 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat penting kepada kira-kira 50,000 anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) pada perayaan ulang tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa di Stadium Merdeka, di sini pada Sabtu ini.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, ucapan Dr. Mahathir pada perayaan yang bertemakan Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia itu dianggap penting kerana ucapan itu disampaikan hanya beberapa minggu sebelum beliau bersara.

Katanya, para pemimpin lain yang akan menyampaikan ucapan pada perhimpunan itu ialah presiden parti-parti komponen BN.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk perayaan akan turut memberikan ucapan.

“Kita memilih tema tersebut berikutan kejayaan memerdekakan dan membangunkan negara menerusi satu formula politik, iaitu menyelesaikan masalah, kaum, agama dan budaya berlandaskan konsep kongsi kuasa. Formula itu telah kita amalkan sejak 1952 lagi menerusi Parti Perikatan yang kini dikenali BN.

“Ini bererti kita telah membentuk satu formula politik, bagaimana hendak memerdekakan sebuah negara daripada penjajah dan seterusnya mentadbir sebuah negara yang terdiri berbilang kaum, agama dan budaya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media semasa taklimat mengenai perayaan tersebut di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Malah kata Mohamed, kejayaan negara mengamalkan formula itu telah menjadi perhatian banyak negara di dunia ini dan

mereka sering merujuk Malaysia bagi menyelesaikan masalah etnik, agama dan budaya di negara-negara terbabit.

“Contoh yang paling dekat ialah bagaimana hendak menyelesaikan perselisihan antara Palestin dan Israel. Ramai berpen-

dapat bahawa formula yang kita amalkan patut digunakan bagi menyelesaikan perselisihan yang berlarutan antara kedua-dua pihak,” jelasnya.